

KEJOHANAN SUKAN PANTAI BADAN BERKANUN

Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Kejohanan Sukan Pantai Badan Berkanun pada 12 hingga 15 Jun 2014 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Enam acara sukan telah dipertandingkan sempena sukan pantai ini iaitu Bola Jaring Pantai, Sepak Takraw Pantai, Bola Tampar Pantai Wanita, Bola Tampar Pantai Lelaki, Bola Sepak Pantai Wanita dan Bola Sepak Pantai Lelaki. Program ini telah berjaya menarik minat sebanyak 18 Agensi Badan Berkanun yang melibatkan lebih kurang 500 atlet, Pegawai dan Sukarelawan. Selain daripada bertanding, adalah diharapkan Program Sukan Pantai ini akan dapat meningkatkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan sesama Ahli serta dapat meningkatkan lagi mutu sukan pantai negara yang sedang mula mendapat perhatian pihak-pihak yang berkenaan iaitu Majlis Olimpik Negara (OCM) dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan yang telah berbesar hati manaja Majlis Makan Malam Sempena Sukan Pantai Badan Berkanun 2014. Semoga acara yang pertama kali dianjurkan ini akan ada kesinambungan nya seterusnya hasrat untuk membentuk ketahanan diri, disiplin diri, semangat setiakawan dan menghormati peraturan akan mencapai sasaran.

KEPUTUSAN RASMI SUKAN PANTAI BADAN BERKANUN 2014

BIL	SUKAN	PEMENANG	
1	Bola Jaring Pantai	Johan	DBKL
		Naib Johan	BSN
		Ketiga	UiTM
		Keempat	MPOB
2	Sepak Takraw Pantai	Johan	DBKL A
		Naib Johan	BSN
		Ketiga	UiTM
		Keempat	MADA
3	Bola Tampar Pantai Wanita	Johan	LHDNM
		Naib Johan	BSN
		Ketiga	UNiMAP
		Keempat	FRIM A
4	Bola Tampar Pantai Lelaki	Johan	UMT
		Naib Johan	BSN
		Ketiga	UNiMAP
		Keempat	FRIM A
5	Bola Sepak Pantai Wanita	Johan	BSN
		Naib Johan	LADA
6	Bola Sepak Pantai Lelaki	Johan	KEJORA
		Naib Johan	LADA
		Ketiga	MADA
		Keempat	LHDNM